

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

04 JANUARI 2021

1. Bekalan organ dalam lembu semakin berkurang
2. Hanya integriti jaminan industri halal tidak runtuh
3. Jamin status halal

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Bekalan organ dalaman lembu makin berkurang

Peniaga pasar merungut sukar penuhi permintaan pelanggan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kebanyakan penjual daging import di pasar utama ibu kota, mengalami kekurangan bekalan organ dalaman dan bahagian tertentu lembu seperti ekor, usus dan tulang.

Peniaga mengakui bekalan import mulai kurang sejak dua minggu lalu menyebabkan mereka tidak dapat memenuhi tempahan dan permintaan tinggi daripada pelanggan.

Kekurangan bekalan import dialami penjual di pasar utama dipercayai mempunyai kaitan dengan tindakan syarikat kartel yang dikesan mula 'memperlahan' penyeludupan daging sejuk beku, berikutan isu terbongkar.

Tinjauan di Pasar Raja Bot atau lebih dikenali sebagai Pasar Chow Kit, dekat sini, majoriti 25 peniaga berdepan masalah hampir sama apabila masing-masing merungut akan kekurangan bekalan organ dalaman lembu import.

Shaharuddin Ahmad, 46, berkata bekalan kurang menyebabkan pembekal menaikkan harga

dan penjual juga terpaksa mengambil tindakan sama dengan menaikkan setiap organ antara RM3 hingga RM4 sekilogram (kg).

"Ekor lembu setiap kg dalam RM20 lebih. Perut pula dulu RM12 sekarang boleh cecah RM20 setiap kg," katanya, di sini semalam.

BH sebelum ini melaporkan kegiatan syarikat kartel menyeludup masuk bekalan daging import, termasuk organ tertentu yang diragui status halalnya.

Pihak berkuasa melakukan serbuan syarikat di Senai yang menyeludup daging sejuk beku ke negara ini dan membungkus semula daging berkenaan dengan logo halal palsu, awal Disember lalu.

Shaharuddin berkata, pihaknya mengakui perniagaannya agak terjejas sejak pendedahan oleh media berhubung isu terabit, malah ramai juga pelanggan mulai teragak-agak untuk membeli bekalan daging import.

Sementara itu, peniaga, Amir Farhan, 26, pula berkata, bekalan bagi bahagian seperti usus, terputus sama sekali, selain kekurangan stok bagi tulang dan ekor amat ketara.

Katanya, beliau mendapat bekalan lebih daripada satu pembekal.

"Kita pastikan ada cop halal pada kotak bekalan daging itu. Harga memang pembekal naikan sekitar RM2 sekilogram, sejak dua hingga tiga minggu lalu," katanya.

Tinjauan di Pasar Borong Kua-



Peniaga menjual daging import berdepan kekurangan bekalan organ dalaman di Pasar Chow Kit. (Foto Fathil Asri/BH)

la Lumpur pula mendapati, rata-rata peniaga di situ mengakui jualan daging import merosot 30 hingga 40 peratus disebabkan isu yang didedahkan akhbar.

Peniaga yang hanya mahu dikenali sebagai Aizuddin, 42, berkata secara tidak langsung permintaan terhadap daging tempatan melonjak naik.

"Ada juga segelintir peniaga menaikkan harga daging tempatan disebabkan permintaan yang

tinggi ini," katanya.

Sementara itu, tinjauan di beberapa pasar raya di sekitar ibu kota mendapati, mereka mematuhi peraturan ditetapkan dengan mempamerkan tanda halal dari negara sumber bekalan daging import.

Berdasarkan pemerhatian BH, tanda halal antaranya dari negara New Zealand dan India itu ditampal di bahagian produk daging sejuk beku import.

MukaSepuluh

E-mel: bhrencana@bh.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd. 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur

ISSN: 4 JANUARI 2021



Mohd Azmi
Abdul Hamid

Hanya integriti jaminan industri halal tidak runtuh

Sangat dikesali ketika negara bergelut dengan pandemik COVID-19, tiba-tiba isu kartel daging import meledak tanpa disangka.

Jelas, isu besar sebegini sangat memerlukan kebijaksanaan tahap tinggi untuk diselesaikan. Langkah penyelesaian harus diutamakan, supaya negara tidak menjadi huru-hara.

Dalam isu kartel daging import, rakyat, terutama masyarakat Islam berhak marah. Keyakinan selama ini dalam hal pensijilan halal dan paman-tauan tiba-tiba menjadi tanda tanya.

Ketika isu pendatang asing tanpa izin (PATI) dikawal ketat dengan meningkatkan kawalan di semua sempadan darat, laut mahupun udara, rupa-rupanya kemasukan barangan (daging beku) yang diimport syarikat kartel yang memonopoli pasaran dan kemudian memalsukan penggunaan sijil dan logo halal untuk dipasarkan di pasaran tempatan, tidak dijangka beredar ke seluruh negara.

Belum pasti berapa lama hal ini beroperasi. Pokoknya, penemuan penipuan ini sudah cukup mencetuskan kejut dan kegelisahan rakyat.

Maka, tersebarlah daging tidak halal menjadi halal, hanya dengan menampal logo palsu pada pek kotak daging tidak halal itu. Stapan barangkali hanya beberapa ratus atau ribu ringgit, membolehkan sistem kawalan halal yang diurus kendali agensi berkenaan.

Bermula hal ini didedahkan media awam kepada khalayak ramai, riuh rendah reaksi dalam kalangan ahli politik, persatuan pengguna dan tokoh masyarakat kedegaran. Informasi sah dan tidak sah berlegar dalam media sosial. Sememangnya dalam sesuatu krisis, kenyataan palsu, komentar berlebihan, tindakan tidak rasional boleh sahaja berlaku. Meraih populariti dan menuding, amat mudah di kala krisis ter-cetus. Namun, mencari penyelesaian yang tuntas, itulah yang sukar.

Tidak dinafikan agensi dipertanggungjawab memang akan segera menjadi tumpuan dalam simpang siur per-bahasan terbuka. Malangnya, ka-dang-kala serangan terhadap sesebuah agensi agak berlebihan.

Di kala siasatan didesak dilancarkan, kenyataan berlebihan tersebar dalam media sosial, hingga muncul hukuman di mahkamah awam mendahului pendakwaan dan perbicaraan di mahkamah sebenar.

Realitinya, merungkai isu ini harus pantas dan tuntas. Harga terpaksa dibayar ialah keyakinan rakyat terhadap agensi awam serta imej dan integriti negara dari kaca mata dunia terhadap Malaysia yang dianggap pe-lopor industri halal.

Sementara siasatan dilakukan dan janji pendakwaan akan menyusul, sistem kawalan dan pemantauan sendiri perlu disemak.

Apabila industri halal melonjak nilai berbilion ringgit, yang pasti akan ada pihak mencari peluang meraih untung dengan jalan pintas hingga sanggup melakukan penipuan berskala besar.

Daripada proses pensijilan hingga penggunaan logo halal, akan ada ruang di mana pengawasan dan pemantauan terlepas pandang. Di sinilah peluang terbuka kepada mereka yang akan mengambil kesempatan.

Daripada pembungkusan, pelabelan hingga memasukkan barangan import ke dalam kontena untuk dihantar ke pasar runcit, pasti akan berlaku keboboran.

Sementara itu, dasar dan perundangan serta penguatkuasaan undang-undang perlu dinilai dan disemak semasa ke semasa. Semua aspek pengawasan dan pemantau harus dilihat untuk meminimumkan ruang salah guna kuasa atau penipuan.

Ketika wujudnya permintaan tinggi di kala musim perayaan, sistem digu-bal perlu mampu mengatur mekanisme untuk mengatatkan kawalan. Permin-taan tinggi dorongan kuat untuk per-niagaan meraih kesempatan.

Walau apapun sistem diwujudkan cuba mengawal penipuan, faktor manusia tetap menjadi punca sama ada pengawasan menjadi berkesan atau tidak. Sistem dikendalikan manusia bergantung keutuhan kawal kendiri dan integriti pihak diamanahkan untuk mengalas tanggungjawab.

Bermula proses permohonan, tapi-san, pemeriksaan, kelulusan dan pemantau semula, semua bergantung kepada kakitangan diamanahkan.

Jika petugas memiliki sifat integriti dan amanah tinggi, insiden penipuan akan dapat diminimumkan. Bermakna isu apapun berkaitan urusan pentad-biran negara, ia bergantung nilai ke-jujuran, amanah, tanggungjawab yang dihayati setiap petugas.

Dalam bahasa yang lebih ruhani-yyah, bermakna sifat amanah, lisan, keimanan, ketakwaan dan tanggung-jawab sebagai insan 'ibadurrahman' akan dapat mengawal penyelewengan.

Kini, isu kartel daging import akan terus berlanjutan. Jika ia reda dan ter-ke luar daripada radar perbincangan awam, Akta tetap sudah mencalar imej pihak ber-kuasa berkaitan. Ia akan membekas dalam imej institusi halal berkenaan.

Apa pun, keyakinan masyarakat ter-hadap agensi berkaitan boleh kembali dipulih. Terpujang kepada kesunggu-han yang mahu dipamer seluruh or-ganisasi supaya agensi dipertang-gungjawab berusaha ke arah sifar pe-nyelewengan dan sifar rasuah.

Apabila yang haram dijadikan halal atas dasar penipuan, bukan sahaja soal pengkhianatan yang dimarahi, malah soal keyakinan yang runtuh ke atas institusi bertanggungjawab.

Di sinilah reaksi supaya sebuah su-ruhanjaya diraja disarankan untuk di-tubuhkan. Bukan hanya mencari punca dan siapa terbabit, tetapi mengusulkan pembaikan kepada sistem yang ada.

Sudah lama Akta Halal khusus diminta

digubal. Sebenarnya sejumlah undang-undang meliputi isu halal sudah ada.

Ini termasuk Akta Perihal Dagangan 2011, Perintah Perihal Dagangan (Per-akuan dan Penandaan Halal) 2011, Perintah Perihal Dagangan (Takarif Halal) 2011 dan Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (F1 Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 yang memperkemas lagi undang-undang berkaitan halal di Malaysia.

Terdapat juga beberapa undang-undang secara tidak langsung mengaman-ningi percutian berkaitan halal seperti Akta Makanan 1983, Peraturan Makanan 1985, Akta Binatang 1953 (Semakan 2006), Peraturan Haiwan 1982, Akta Ke-rajaan Tempatan 1976 dan Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan, Akta Pertindungan Pengguna 1999, Ak-ta Kastam 1967, serta Enakmen Kesala-han Jenayah Syariah Negeri.

Akta sedia ada dianggap mencukupi untuk memelihara supaya penyelewan-gan dan pelanggaran undang-undang dapat dibendung.

Akan tetapi, pensijilan halal bukan sahaja membabitkan soal label dan penge-sahan kehalalan, namun turut me-liputi segala proses berkaitan peng-haruan, pembungkusan, pengedaran dan pengangkutan sehingga pembo-rongan dan peruncitan.

Soalnya, adakah perundangan boleh mengawal isu halal dengan sempurna? Jawapannya tidak.

Pengawasan dan pemantauan ada ke-terbatasan. Faktor manusia terdedah kepada keinginan meraih untung me-lalui jalan pintas sentiasa boleh me-mboori sistem perundangan.

Bermakna isu halal bukan sahaja soal pensijilan, akan tetapi berkait soal amanah mereka yang dimandati supaya menjaga kesucian sesuatu produk un-tuk pengguna Muslim.

Semua pemegang taruh dalam indus-tri halal penting - pembekal, pengilang, pemborong, pengesah halal serta peng-awal di pelabuhan.

Jika soal pensijilan halal dikawal em-pat hingga lima agensi penguat kuasa, kenapa suatu operasi penipuan doku-men dan logo halal import daging dari luar boleh berlaku bernilai lebih RM50 juta baru-baru ini?

Pengajaran harus diambil ialah in-tegriti petugas dan agensi jauh lebih penting daripada soal sejumlah un-dang-undang yang bertujuan mengawal industri halal.

Terserah pihak berkuasa bagaimana mengemas sistem pengawasan dan pe-mantauan supaya integriti industri halal negara tidak runtuh di kaca mata dunia.

Penulis adalah Pengerusi Majlis Penasihat Pengguna Negara

Isu halal bukan sahaja soal pensijilan, akan tetapi berkait soal amanah mereka yang dimandati supaya menjaga kesucian sesuatu produk untuk pengguna Muslim.




Keratan akhbar BH bulan lalu mengenai isu kartel daging import.



KILANG pemrosesan daging di bawah Fair Exports.

Jamin status halal



Oleh Rosyahaida
Abdullah

bisnes@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Fair Exports (India) Pvt Ltd (*Fair Exports*) yang juga pengeluar daging halal jenama Al-Tamam, Amroon dan Al-Fadeel memberi jaminan status halal bagi semua produk mereka yang dipasarkan di

Fair Exports bertanggungjawab pantau proses pematuhan piawaian daging diiktiraf Jakim

Malaysia mengikut piawaian pihak berkuasa.

Menerusi kenyataan di laman web rasmi, syarikat itu memaklumkan, pihaknya sentiasa memastikan proses dan piawaian halal dipatuhi, malah bertanggungjawab memantau seluruh proses berkenaan.

Katanya, ia bagi memenuhi standard pensijilan halal ditetapkan *Jamiat Ulama-I-Hind Halal Trust* iaitu badan pensijilan halal di India yang diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

“Loji penyembelihan daging kerbau (APEDA 42) bagi

ketiga-tiga jenama kami dipantau dan diiktiraf Jakim, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Malaysia bagi memastikan segala prosedur halal diikuti sepenuhnya.

“Produk kami juga diekspor ke lebih 29 negara di serata dunia termasuk Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Qatar, Kuwait, Iraq, Jordan, Maldives, Indonesia dan Mesir,” katanya.

Fair Exports menegaskan produk daging kerbau sejuk beku diekspor ke Malaysia melalui proses pengeksporan secara terus kepada

pembekal daging sah dan berlesen tanpa membabitkan mana-mana pihak ketiga atau orang tengah.

Dalam pada itu, *Fair Exports* turut menyatakan sokongan penuh terhadap usaha kerajaan Malaysia membanteras jenayah penyeludupan daging secara tidak sah serta pemalsuan logo halal.

Syarikat itu berharap isu itu diselesaikan segera bagi memastikan aspek halal serta keselamatan industri daging import sejuk beku halal terpelihara sekali gus menghilangkan kebimbangan pengguna Islam di Malaysia.